

23/01/1998

PM ketua Exco NEAC

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai Exco Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) bagi membantu majlis itu membuat keputusan mengenai aspek kritikal dalam pemulihan ekonomi negara.

Turut menganggotai Exco itu ialah Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Pengarah Eksekutif NEAC, Tun Daim Zainuddin; serta dua ahli yang akan dilantik oleh Perdana Menteri.

Menurut buku penerangan struktur NEAC yang diedarkan hari ini, Exco itu akan bermesyuarat lebih kerap dan keputusannya akan dilaporkan kepada NEAC untuk pengesahan.

Bagaimanapun, bagi perkara sensitif, rahsia kerajaan dan komersil, ia tidak harus dibawa kepada NEAC tetapi memadai bagi Exco memaklumkan terus kepada Kabinet untuk pengesahan.

Exco berkenaan pula dibantu oleh jawatankuasa kerja yang bertanggungjawab meneliti perkembangan beberapa isu seperti pelaburan asing, bank dan kewangan, pasaran modal, mata wang, defisit akaun semasa, pembangunan sektor utama ekonomi termasuk Petronas serta isu sosial kesan daripada krisis ekonomi semasa.

Jawatankuasa kerja itu dipengerusikan oleh Daim, manakala urusetianya diletakkan di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU). Urusetia itu dianggotai profesional termasuk ahli ekonomi dan mereka yang dianggap perlu serta anggota sokongan.

Urusetia berkenaan bertanggungjawab kepada NEAC dan Exco NEAC dalam membuat analisis untuk melaporkan segala isu dan perkembangan berkaitan serta kritikal secara berterusan kepada majlis bagi menentukan tindakan kerajaan.